

[GENDER EQUALITY ACCORDING TO MUSLIM FEMINISTS]

KESETARAAN GENDER MENURUT GOLONGAN FEMINIS MUSLIM

WAHIDATUL HANNAN NAZARI¹ & RAZALI MUSA¹

¹ Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak,
21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA

*Corresponding Author: wahidanaz95@gmail.com

Received Date: 24 February 2022 • Accepted Date: 30 April 2022

Abstract

The issue of gender has become a struggle waged by feminists to obtain the rights to justice. This situation has happened since time immemorial, the position of women in the Jahiliyyah era was very low and daughters were planted alive. This situation changed when Islam elevated the dignity of women. Feminism is among the main mobilisers demanding the right to justice in various aspects. This agenda is also advocated by the activists in Muslim countries known as Muslim feminists. However, the demands of Muslim Feminists are seen as contrary to Islamic Sharia. The aim of the study is to look at the position of women in Islam. Therefore, the issue of gender equality was selected as an analysis by conducting research on gender and its relevance to feminism. Next, discuss the position of women's status that has been raised by Islam and the views of Muslim Feminists on the issue of gender equality that is fought for. This study uses qualitative methods. and Data are obtained based on library research. The results of the study found that Muslim feminists have demanded the rights of women to be the same as men by making changes in accordance with the passage of time. Feminists take into account issues such as polygamy, the right of leadership and the right to division of inheritance.

Keywords: Gender Equality, Thought, Muslim Feminists.

Abstrak

Isu gender menjadi satu perjuangan yang dilaksanakan oleh golongan feminis untuk memperoleh hak-hak keadilan. Keadaan ini berlaku sejak dahulu lagi, kedudukan wanita pada zaman Jahiliyyah dipandang sangat rendah dan anak perempuan ditanam hidup-hidup. Selepas kedatangan Islam, situasi ini berubah apabila Islam mengangkat martabat kaum wanita. Golongan feminis antara penggerak utama menuntut hak keadilan dalam pelbagai aspek. Namun, tuntutan Feminis Muslim ini dilihat bertentangan dengan Syariah Islam. Kajian ini bertujuan untuk melihat kedudukan wanita dalam Islam. Justeru itu, isu kesetaraan gender dipilih sebagai satu analisis dengan melakukan kajian berkenaan dengan gender serta perkaitannya dengan feminisme. Seterusnya membahaskan berkenaan kedudukan darjat wanita yang telah diangkat oleh agama Islam dan pandangan Feminis Muslim tentang isu kesetaraan gender yang diperjuangkan. Kajian

ini menggunakan kaedah kualitatif dan data diperolehi berdasarkan kajian perpustakaan. Hasil kajian mendapati, golongan Feminis Muslim telah menuntut hak-hak wanita agar sama seperti kaum lelaki dengan melakukan perubahan sesuai dengan peredaran masa. Golongan Feminis mengambil kira isu seperti poligami, hak kepimpinan dan hak pembahagian harta pusaka.

Kata kunci: Kesetaraan gender, Pemikiran, Feminis Muslim.

Cite as: Wahidatul Hannan Nazari¹ & Razali Musa. 2022. [Gender Equality According to Muslim Feminists] Kesetaraan Gender Menurut Golongan Feminis Muslim. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 23(1): 205-216.

PENGENALAN

Isu gender sering dibahaskan oleh golongan feminisme bagi menuntut hak-hak kesamarataan dan mempunyai perkaitan antara satu sama lain. Permasalahan kesetaraan gender ini dapat dilihat terdapat bias gender kedudukan lelaki dan wanita dalam masyarakat. Kedudukan wanita yang dianggap lemah dan tidak berguna kepada masyarakat antara salah satu pemikiran masyarakat Arab Jahiliyyah sebelum kedatangan agama Islam. Islam diturunkan bagi menyempurnakan akhlak manusia serta mengatur tujuan hidup dalam Islam supaya menjadi lebih harmonis dan damai. Wanita diangkat martabatnya dan kedudukan wanita sama dengan kaum lelaki sepertimana yang telah dinyatakan dalam al-Quran. Namun, golongan feminisme berpandangan berbeza apabila hak wanita Islam dianggap terkongkong dan menolak penafsiran yang dilakukan oleh ulama' klasik. Oleh itu, tulisan ini akan membincangkan golongan Feminis Muslim seperti Sisters in Islam, Musdah Mulia dan Amina Wadud dalam memberi pandangan mereka terhadap isu kesetaraan gender.

GENDER DAN FEMINISME: SATU PENGENALAN

Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), gender ialah golongan jenis kata dalam tatabahasa sesuatu seperti maskulin, feminin dan neuter. Gender juga dikatakan berkait rapat dengan pembahagian peranan dan kedudukan di antara golongan lelaki dan perempuan dalam sesebuah masyarakat yang terhasil daripada proses sosialisasi dan budaya (Suhadan Anwar & Salmah Jan, 2016). Manakala Harlina Halizah (2015) berpendapat gender merujuk kepada ketetapan dan ketentuan masyarakat terhadap peranan, hubungan, personaliti, sikap, tingkahlaku, nilai, kekuasaan dan pengaruh yang dimainkan secara berbeza oleh dua jantina.

Perkaitan gender dan golongan feminisme antara satu perbahasan yang sering diketengahkan yang mana pemikiran gagasan Islam liberal ini mendukung gerakan emansipasi wanita atau hak kebebasan dalam menuntut hak persamaan gender yang bertentangan dengan syariat (Mohd Fairuz Jamaluddin, 2015). Gerakan feminisme bermula sejak tahun 1960-an dan sekarang telah menjangkau empat dekad. Permulaan gerakan ini pada pertengahan tahun 1960an di Amerika Syarikat dalam berbagai pendekatan baharu terutamanya di Amerika Latin sejak tahun 1970-an. Kesan daripada peristiwa tersebut boleh dilihat sejak tahun 1990-an di mana permasalahan gender diperbincangkan sehingga peringkat antarabangsa, termasuk dalam disiplin ilmu dan juga budaya (Norsaleha, 2015).

Sejarah awal gerakan feminisme dapat dikenal pasti sekitar abad ke-18 dan ke-19 Masihi di Eropah. Kebangkitan ini dikatakan muncul di Britain dan Perancis kerana wanita pada ketika itu dikaitkan dengan situasi masyarakat dan ahli falsafah dalam menyelar tindakan gereja yang cuba menguasai dan mendominasi kekuasaan. Perkara ini telah mewujudkan golongan penentang gereja yang mempertikaikan agama yang dibawa oleh paderi serta raja-raja yang mendakwa mempunyai hak ketuhanan bahawa tindakan raja adalah segala-galanya (Mies & Jayawardena, 1983).

Keadaan ini telah mendesak golongan wanita masyarakat kuno untuk bangkit menegakkan hak mereka agar mendapat layanan yang sama seperti golongan lelaki. Ratna dan Holzner (1997) menjelaskan gerakan wanita di Eropah dan Barat mengalami dua gelombang. Gelombang pertama dapat dilihat pada abad ke-18 dan ke-19 Masihi. Manakala gelombang kedua muncul pada tahun 1960-an iaitu pada zaman anti imperialisme, gerakan hak asasi dan pemberontakan mahasiswa.

Menurut Yunahar Ilyas (1997), keadaan wanita di kalangan masyarakat kuno pada zaman dahulu tidak mendapat hak kemerdekaan dan kedudukan dalam segala hak menuntut undang-undang mereka. Perkara ini turut dibincangkan dalam buku *Wanita dan Masyarakat* karya Azizah Kassim (1985) yang menggambarkan keadaan golongan wanita pada kurun ke-20 dikalangan orang Eskimo di Alaska Utara dan Amerika Syarikat banyak menafikan hak wanita seperti wanita yang berkahwin tidak boleh memiliki harta secara sendirian sehingga tahun 1980, wanita tidak boleh mengundi pilihan raya dan wanita tidak boleh masuk dalam bidang perkhidmatan awam.

Perjuangan feminisme bukan sahaja dilaksanakan di negara Barat sahaja, negara-negara Islam dan negara membangun juga aktif dalam menyuarakan pandangan berkenaan hak-hak wanita yang dialami. Kewujudan gerakan feminisme di Timur bermula sejak tahun 1990-an, gerakan feminisme Barat mula mempengaruhi sarjana dan pemikir Muslim. Gerakan feminisme dalam masyarakat Muslim yang pertama muncul di Mesir dan Huda Shaarawi telah mendirikan The Egyptian Feminist Union pada tahun 1923. Sifat feminisme bertentangan dengan kehendak Islam telah digambarkan dengan peristiwa di mana Huda Shaarawi, telah menanggalkan hijab beliau sejeurus turun dari keretapi bagi melambangkan kebangkitan feminisme di Mesir setelah beliau pulang menghadiri International Women Suffrage Alliance Congress di Rom dalam tahun 1923 (Rafidah Hanim Mokhtar, 2015).

Menurut Siti Muslikhati (2014), gerakan feminisme ini membahaskan isu kebebasan wanita dengan menyatakan wanita Muslim mempunyai kebebasan yang terhad berbanding lelaki. Ahli gerakan feminisme ini juga percaya bahawa wanita Islam juga harus menentang hak mereka. Negara seperti Mesir, Turki, Iran, Syria, dan Lubnan telah didedahkan kepada isu-isu feminisme sedekad lebih awal melalui akhbar umum, majalah dan televisyen dengan membincangkan untuk meluaskan gerakan feminisme ke negara Timur Tengah. Perjuangan wanita yang dipengaruhi oleh gerakan feminisme Barat memperjuangkan hak kesamarataan untuk membebaskan wanita ditindas dengan menghujah undang-undang Islam (Baterah Alias, Mohd Asmadi Yakob, Rafeah Saidon & Mukhamad Syamsul Huda, 2020).

Penyebaran fahaman feminisme diteruskan di Kawasan Asia Tenggara sebagaimana penubuhan Sisters in Islam di Malaysia dan Jaringan Islam Liberal di Indonesia. Mereka berhujah berkenaan peranan masalah sosial, budaya, undang-undang dan ekonomi yang terikat

dengan segala hal berkaitan dengan wanita seiring dengan kehidupan masyarakat zaman moden kini. Ahli gerakan ini juga mendakwa bahawa mereka sedang berusaha mencari ajaran alQuran untuk diterapkan kepada konteks masa kini yang berasaskan idea yang lebih berbentuk universal (Rashida & Abida, 2002).

Kesimpulanya, gerakan Feminis Muslim semakin hari lantang dalam menuntut pembebasan dari sebarang fahaman yang menyekat kehendak mereka. Tindakan ini juga mendapat sokongan daripada Barat atas dasar untuk menegakkan hak asasi manusia. Hal ini demikian perbuatan yang dilakukan oleh Feminis Muslim ini bercanggah dengan akidah Islam serta melanggar hukum yang telah ditetapkan dalam al-Quran dan as-Sunnah.

KEDUDUKUAN WANITA MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Kedatangan agama Islam mengangkat darjat wanita dengan memiliki banyak keistimewaan. Sebelum kedatangan Islam kaum wanita dianggap sebagai alat untuk memuaskan nafsu semata, tidak bernilai, suami menghina isteri yang melahirkan anak perempuan dan mempercayai bahawa anak perempuan merupakan satu musibah.

Bayi perempuan yang lahir pada zaman Jahiliyyah dibunuh oleh bapa mereka sendiri dengan menanam hidup-hidup kerana dikatakan mendapat malu dan bimbang tidak dapat mebiayai kehidupan mereka. Ini adalah berdasarkan firman Allah SWT:

﴿وَإِذَا بُشِّرَ أَحَدُهُم بِالْأُنْثَىٰ ظَلَّ وَجْهُهُ مُسْوَدًّا وَهُوَ كَظِيمٌ ٥٧﴾

Maksudnya: Dan apabila dikhabarkan kepada seseorang dari mereka bahawa ia beroleh anak perempuan, muramlah mukanya sepanjang hari (kerana menanggung dukacita), sedang ia menahan perasaan marahnya dalam hati.

(Surah al-Nahl, 58)

﴿يَتَوَارَىٰ مِنَ الْقَوْمِ مِن سُوءِ مَا بُشِّرَ بِهِ أَيُمْسِكُهُ عَلَىٰ هُونٍ أَمْ يَدُسُّهُ فِي التُّرَابِ أَلَا سَاءَ مَا يَحْكُمُونَ ٥٩﴾

Maksudnya: Bagi mereka yang tidak beriman kepada hari akhirat itu, sifat yang buruk, dan bagi Allah jualah sifat yang tertinggi; dan Dia lah jua Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.

(Surah al-Nahl, 59)

Allah telah menjawab pertanyaan masyarakat Jahiliyyah yang mengatakan bahawa anak perempuan itu membawa kehinaan dan menjadi satu bebanan dalam keluarga.

﴿وَلَا تَقْتُلُوا أَوْلَادَكُمْ حَشِيَّةَ إِمْلَاقٍ نَحْنُ نَرْزُقُهُمْ وَإِيَّاكُمْ إِنَّ قَتْلَهُمْ كَانَ خِطْئًا كَبِيرًا ٣١﴾

Maksudnya: Dan janganlah kamu membunuh anak-anak kamu kerana takutkan kepapaan; Kamilah yang memberi rezeki kepada mereka dan kepada kamu. Sesungguhnya perbuatan membunuh mereka adalah satu kesalahan yang besar.

(Surah al-Isra', 31)

Pada zaman tersebut juga, kaum wanita telah dilayan dengan hina dan dianggap tidak bernilai dan boleh dilakukan apa sahaja, amalan yang tidak bermoral seperti mengahwini isteri bapa mereka (ibu tiri) setelah kematian bapa mereka. Perkara ini dilarang oleh Islam kerana taraf ibu tiri sama seperti ibu kandung.

﴿وَلَا تَنْكِحُوا مَا نَكَحَ آبَاؤُكُمْ مِنَ النِّسَاءِ إِلَّا مَا قَدْ سَلَفَ إِنَّهُ كَانَ فَاحِشَةً وَمَقْتًا وَسَاءَ سَبِيلًا﴾ ٢٢

Maksudnya: Dan janganlah kamu berkahwin (dengan perempuan-perempuan) yang telah diperisterikan oleh bapa kamu kecuali apa yang telah berlaku pada masa yang lalu. Sesungguhnya perbuatan itu adalah satu perkara yang keji, dan dibenci (oleh Allah), serta menjadi seburuk-buruk jalan (yang dilalui dalam perkahwinan).

(Surah al-Nisa', 22)

Selepas kedatangan Islam, wanita diberi kemuliaan yang tinggi, Seorang ibu martabatnya tiga kali lebih tinggi daripada seorang ayah. Kemuliaan ini dapat dilihat melalui sebuah hadis diwayatkan oleh Abu Hurairah R.A bahwa seorang lelaki telah bertanya kepada Rasulullah S.A.W 'Wahai Rasulullah! Siapakah orang lebih berhak saya berbakti kepadanya?' Baginda menjawab:

أُمُّكَ، ثُمَّ أُمُّكَ، ثُمَّ أُمُّكَ، ثُمَّ أَبُوكَ

Maksudnya: Ibu kamu (adalah manusia yang paling berhak untuk kamu berbuat baik kepadanya), kemudian ibu kamu, kemudian ibu kamu, kemudian bapa kamu.

Riwayat Muslim (2548)

Wanita yang mentaati suaminya juga mereka boleh memilih mana-mana pintu syurga yang mereka inginkan. Sabda Baginda Rasulullah:

'Jika seorang wanita menunaikan solat 5 waktu, berpuasa pada bulannya (Ramadan), mengawal kemaluannya (maruahnyanya) dan taat kepada suaminya. Masuklah dia ke dalam Syurga dari mana-mana pintu yang dia kehendaki.'

(HR Ibn Hibban 4163)

Selain itu, Allah tidak membezakan amal antara kaum lelaki dan wanita. Kedua-dua jantina mempunyai peranan saling melengkapi antara lelaki dan wanita sepertimana peranan Ummu Salamah R.A dalam membuat keputusan atau hukum dalam menentukan kadar mahar dan tempoh lama wanita apabila ditinggalkan suami di zaman khalifah Saidina Umar bin al-Khattab. Dengan sifat kepekaan ini, menyebabkan Ummu Salamah R.A bertanya kepada Rasulullah:

“Wahai Rasulullah! Saya tidak mendengar Allah SWT menyebut khusus tentang

wanita dalam al-Quran mengenai peristiwa hijrah”. Oleh itu, Allah S.W.T telah menurunkan ayat sebagai penegasan atas pertanyaanya:

﴿فَاسْتَجَابَ لَهُمْ رَبُّهُمْ أَنِّي لَا أُضِيعُ عَمَلَ عَامِلٍ مِّنْكُمْ مِّنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَىٰ بَعْضُكُم مِّنْ بَعْضٍ فَالَّذِينَ هَاجَرُوا وَأُخْرِجُوا مِنْ دِيَارِهِمْ وَأُودُوا فِي سَبِيلِي وَقَاتَلُوا وَقُتِلُوا لَأُكَفِّرَنَّ عَنْهُمْ سَيِّئَاتِهِمْ وَلَأُدْخِلَنَّهُمْ جَنَّاتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ ثَوَابًا مِّنْ عِنْدِ اللَّهِ وَاللَّهُ عِنْدَهُ حُسْنُ الثَّوَابِ ﴿١٩٥﴾﴾

Maksudnya: Maka Tuhan mereka memperkenankan permohonannya (dengan berfirman), “Sesungguhnya Aku tidak menyia-nyiakan amal orang yang beramal di antara kamu, baik laki-laki maupun perempuan, (karena) sebagian kamu adalah (keturunan) dari sebagian yang lain. Maka orang yang berhijrah, yang diusir dari kampung halamannya, yang disakiti pada jalan-Ku, yang berperang dan yang terbunuh, pasti akan Aku hapus kesalahan mereka dan pasti Aku masukkan mereka ke dalam surga-surga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai, sebagai pahala dari Allah. Dan di sisi Allah ada pahala yang baik”.

(Ali Imran, 195)

Dalam al-Quran juga telah menyebutkan tentang persamaan antara lelaki dan perempuan sama ada dalam bentuk ibadah mahupun dalam aktiviti sosial. Surah al-Hujrat: 13:

﴿يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِّنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَاكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾﴾

Maksudnya: “Wahai manusia! Sungguh, Kami telah menciptakan kamu dari seorang laki-laki dan seorang perempuan, kemudian Kami jadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku agar kamu saling mengenal. Sesungguhnya yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertakwa. Sungguh, Allah Maha Mengetahui, Maha teliti”.

(al-Hujurat, 13)

Seterusnya, dalam al-Quran telah menyebut tentang kesetaraan dan keadilan antara lelaki dan perempuan dengan tidak membezakan antara satu sama lain mealinkan sifat biologi yang ada pada jantina tersebut (Noor Azwani Mansor & Noor Hisham Md Nawawi, 2021). Sebagaimana ayat al-Quran yang menjelaskan penciptaan manusia berasal dari kejadian yang sama:

﴿خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ صَلْصَالٍ كَالْفَخَّارِ ﴿١٤﴾﴾

Maksudnya: “ia menciptakan manusia (lembaga adam) daripada tanah liat kering seperti tembikar”.

(al-Hujurat, 14)

Berdasarkan ayat al-Quran dan Hadith yang dinyatakan jelas menunjukkan bahawa Islam sangat memartabatkan kaum wanita. Tohmahan Barat berkenaan wanita ditindas dan Islam bertindak bias gender kepada kaum wanita adalah tidak benar sama sekali.

ISU FEMINISME MUSLIM TERHADAP KESETARAAN GENDER

Golongan feminis Muslim telah memberi pandangan berkenaan kesetaraan gender dan menuntut beberapa perkara agar hak wanita juga sama seperti kaum lelaki. Hal ini demikian kerana feminis wanita Muslim telah mempersoalkan hak-hak wanita dalam Islam kerana mereka berpandangan wanita Islam ditindas dan dikongkong. Golongan feminisme Muslim dan intelektual wanita mempertikaikan ketidakadilan yang terdapat dalam kitab tafsir klasik dan menafsirkan ajaran agama sesuai dengan aliran semasa dan sosio budaya (Baterah Alias et al., 2020). Golongan feminisme muslim seperti Sisters in Islam (SIS), Amina Wadud dan Musdah Mulia antara yang lantang dalam menegakkan isu kesetaraan gender.

Sisters in Islam (SIS) menyatakan pendiriannya dalam menentang poligami berdasarkan hadith yang menggambarkan bahawa Rasulullah SAW seakan melarang Saiyidina Ali daripada menduakan Fatimah. Dalam mentafsir Sural al-Nisa', ayat 3 Sisters in Islam memahaminya secara tekstual, iaitu pada ayat tersebut menjelaskan tentang jika tidak dapat berlaku adil, maka kahwini seorang sahaja. Kemudian mengaitkan satu ayat dengan ayat yang lain yang berkaitan sama ada al-Quran atau hadith tentang poligami dan keadilan (Sisters in Islam, 1996).

Dalam surah an-Nisa' ayat 3 telah menjelaskan tentang anjuran poligami. Jika, ditelusuri, ayat ini diturunkan ketika tahun ke-5 Hijrah iaitu setelah peperangan Uhud yang mana mengorbankan ramai lelaki. Maka, sosio sejarah yang menjadi asbab nuzul surah ini adalah berkenaan Hadith yang menceritakan mengenai anak perempuan yatim yang berada di bawah asuhan walinya. Hingga suatu saat walinya terpicat dengan kecantikan dan kekayaan anak yatim. Kemudian, merancang untuk menikahnya tanpa berlaku adil. Di samping itu, surah an-Nisa' ayat 129 juga yang menjelaskan tentang adil dalam poligami adalah mustahil. Dari segi moral ayat al-Quran dan Hadith ini, Sisters in Islam (1996) menyatakan bahawa ayat ini menunjukkan kepada satu tanggungjawab dan sekatan untuk memastikan keadilan terhadap anak-anak yatim.

Selain itu, golongan feminisme Muslim juga menyokong golongan Lesbian Gay Biseksual dan Transgender (LGBT) sebagai satu perjuangan dalam menegakkan hak asasi manusia. Gerakan feminisme yang menyokong perkahwinan sejenis dapat dilihat melalui kenyataan Musdah Mulia yang merupakan tokoh feminisme dan Liberal di Indonesia terhadap perbuatan seks sumbang sejenis tidak haram jika dilakukan dengan penuh kasih etika dan rasa tanggungjawab. Musdah Mulia berpandangan bahawa tidak ada larangan secara terperinci dalam ayat al-Quran terhadap golongan homoseksualiti dan lesbian. Ayat al-Quran yang menunjukkan larangan adalah perlakuan seksual dalam bentuk liwat (Inayatul Aini, 2013).

Pendapat Musdah Mulia dalam membolehkan perkahwinan sejenis menyatakan bahawa Tuhan hanya memandang manusia dari segi ketaatan dan tiada perbezaan diantara jantina, manusia dikatakan sedarjat tanpa memandang kaum, kekayaan, status sosial dan seksualnya (Abdul Haq, 2009). Musdah Mulia juga berpendapat berkenaan dengan hak asasi manusia merupakan hak-hak yang dimiliki manusia kerana telah diberikan kepadanya dengan

menyatakan bahawa hak asasi dalam Islam harus dilaksanakan sama ada diri sendiri ataupun negara seperti hak jiwa atau hidup, hak kebebasan beragama, hak kebebasan berfikir, hak harta, hak mempertahankan maruah atau nama baik dan hak mempunyai keturunan (Musdah Mulia, 2004). Dengan prinsip ini menyebabkan Musdah Mulia menegakkan isu golongan LGBT.

Golongan feminis juga membahas isu kepimpinan wanita menerusi sebuah hadis tentang Ummu Waraqah yang diperintahkan oleh Nabi Muhammad SAW kepada Ummu Waraqah supaya melaungkan azan serta menjadi Imam solat untuk keluarganya di rumah (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2017). Sebagaimana yang diriwayatkan oleh Abu Daud; “Dari Abdul Rahman bin Khalid Al-Anshari dari Ummu Waraqah binti Andillah binti Haris berkata bahawa Rasulullah datang kerumahnya dan memberikan kepadanya seorang muazzin dan memerintahkannya untuk menjadi imam bagi ahli keluarganya. Abdul Rahman menambah: “Saya melihat bahawa muazzin (bilal penyeru azan) tersebut adalah seorang yang sangat tua”.

Dalam isu kepimpinan golongan feminisme telah bertindak untuk menjadi Imam dan menyampaikan khutbah. Amina Wadud telah menjadi Imam dan khatib solat Jumaat di sebuah gereja Manhattan, New York, Amerika Syarikat bersama sekitar seratus orang Jemaah lelaki dan perempuan yang bercampur dalam saf. Menurut Amina Wadud tugas imam solat Jumaat bukan dipertanggungjawabkan untuk kaum lelaki sahaja, baginya pendirian tersebut adalah satu bentuk transformasi dalam masyarakat Islam dan wanita sering dipinggirkan dalam melaksanakan tugas tersebut.

“I first step to fully remove the displacement imposed on the most significant part of my personal contribution to this act of gender transformation, I first step forward from the place where I was rendered khatibah, with multiple aspects of myself sometimes in place and sometimes displaced. In this chapter, I will also clarify the interface and complexities between subversive coincidence and purpose”.

(Amina Wadud, 2006)

Perkara ini dilarang dalam Islam sepertimana dalil al-Quran berkaitan larangan imam wanita dalam solat jemaah lelaki seperti:

﴿الرِّجَالُ قَوَّامُونَ عَلَى النِّسَاءِ بِمَا فَضَّلَ اللَّهُ بَعْضَهُمْ عَلَى بَعْضٍ وَبِمَا أَنْفَقُوا مِنْ أَمْوَالِهِمْ فَالصَّالِحَاتُ قَانِتَاتٌ حَافِظَاتٌ لِّلْغَيْبِ بِمَا حَفِظَ اللَّهُ وَاللَّاتِي تَخَافُونَ نُشُوزَهُنَّ فَعِظُوهُنَّ وَاهْجُرُوهُنَّ فِي الْمَضَاجِعِ وَاضْرِبُوهُنَّ فَإِنْ أَطَعْنَكُمْ فَلَا تَبْغُوا عَلَيْهِنَّ سَبِيلًا إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا كَبِيرًا ﴿٣٤﴾﴾

Maksudnya: “Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan, oleh kerana Allah telah melebihkan orang-orang lelaki (dengan beberapa keistimewaan) atas orang-orang perempuan, dan juga kerana orang-orang lelaki telah membelanjakan (memberi nafkah) sebahagian dari harta mereka. Maka perempuan-perempuan yang soleh itu ialah yang taat (kepada Allah dan suaminya), dan yang memelihara (kehormatan dirinya dan apa jua yang wajib dipelihara) ketika

suami tidak hadir bersama, dengan pemeliharaan Allah dan pertolonganNya. Dan perempuan-perempuan yang kamu bimbang melakukan perbuatan derhaka (nusyuz) hendaklah kamu menasihati mereka, dan (jika mereka berdegil) pulaukanlah mereka di tempat tidur, dan (kalau juga mereka masih degil) pukulalah mereka (dengan pukulan ringan yang bertujuan mengajarnya). Kemudian jika mereka taat kepada kamu, maka janganlah kamu mencari-cari jalan untuk menyusahkan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Tinggi, lagi Maha Besar”.

(al-Nisa', 34)

Dalam kitab Majmu' Syarh al-Muhazzab, Imam Nawawi berkata:

“Telah bersepakat sahabat-sahabat kami (ulama mazhab Syafi'i) bahawa tidak boleh seseorang lelaki yang baligh dan seorang anak lelaki solat di belakangseorang perempuan, baik dalam solat wajib mahupun dalam solat tarawih dan semua solat sunat. Inilah mazhab kami, dan mazhab majoriti ulama dari salaf dan khalaf dan menurut Baihaqi pendapat ini dipegang oleh 7 fuqaha sahabat yang berada di Bandar Madinah dan juga pendapat para pengikut sahabat (tabiin). Ini juga merupakan Mazhab Malik dan Abu Hanifah dan Sofyan dan Ahmad dan Daud Dzahiri”.

(al-Nawawi, t.th)

Seterusnya, golongan feminis telah memperjuangkan isu pembahagian harta pusaka. Hal ini demikian kerana penetapan bahagian kadar pusaka dalam Islam kepada waris lelaki lebih besar berbanding perempuan. Menurut Sisters in Islam (2005) harta pusaka yang difaraidkan menunjukkan ketidakadilan dan perlu samaratakan pembahagiannya antara lelaki dan wanita kerana kedudukan wanita pada masa kini berdaya saing dengan kaum lelaki seperti mempunyai pendidikan, kejayaan dan mempunyai pendapatan yang baik.

Cadangan golongan feminisme agar hukum Islam tentang harta pusaka perlu diubah sesuai dengan perkembangan semasa sepertimana yang dicadangkan oleh Amina Wadud yang menekankan pembahagian yang dibuat perlu mengambilkira manfaat dan keadilan terhadap waris (Amina Wadud, 1992). Perkara ini merujuk kepada ayat 11, surah al-Nisa' berkenaan pembahagian nisbah 2:1 antara lelaki dan wanita yang menolak ulama klasik dalam menafsirkan ayat tersebut.

Dalil al-Quran telah menetapkan pembahagian harta pusaka seperti firman Allah Ta'ala:

﴿لِّلرِّجَالِ نَصِيبٌ مِّمَّا تَرَكَ الْوَالِدَانِ وَالْأَقْرَبُونَ وَلِلنِّسَاءِ نَصِيبٌ مِّمَّا تَرَكَ الْوَالِدَانِ وَالْأَقْرَبُونَ مِمَّا قَلَّ مِنْهُ
أَوْ كَثُرَ ۚ نَصِيبًا مَّفْرُوضًا﴾ ﴿٧﴾

Maksudnya: “Orang-orang lelaki ada bahagian pusaka dari peninggalan ibu bapa dan kerabat, dan orang-orang perempuan pula ada bahagian pusaka dari peninggalan ibu bapa dan kerabat, sama ada sedikit atau banyak dari harta yang ditinggalkan itu; iaitu bahagian yang telah diwajibkan (dan ditentukan oleh

Allah)".

(al-Nisa', 7)

﴿يُوصِيكُمُ اللَّهُ فِي أَوْلَادِكُمْ لِلذَّكَرِ مِثْلُ حَظِّ الْأُنثَيَيْنِ فَإِنْ كُنَّ نِسَاءً فَوْقَ اثْنَتَيْنِ فَلَهُنَّ ثُلُثَا مَا تَرَكَ وَإِنْ كَانَتْ وَاحِدَةً فَلَهَا النِّصْفُ وَلِأَبَوَيْهِ لِكُلِّ وَاحِدٍ مِّنْهُمَا السُّدُسُ مِمَّا تَرَكَ إِنْ كَانَ لَهُ وَلَدٌ فَإِنْ لَمْ يَكُنْ لَهُ وَلَدٌ وَوَرِثَهُ أَبَوَاهُ فَلِأُمِّهِ الثُّلُثُ فَإِنْ كَانَ لَهُ إِخْوَةٌ فَلِأُمِّهِ السُّدُسُ مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ يُوصِي بِهَا أَوْ دَيْنٍ آبَاؤُكُمْ وَأَبْنَاؤُكُمْ لَا تَدْرُونَ أَيُّهُمْ أَقْرَبُ لَكُمْ نَعْمًا فَارِضَةً مِّنَ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا حَكِيمًا ﴿١١﴾﴾

Maksudnya: Allah perintahkan kamu mengenai (pembahagian harta pusaka untuk) anak-anak kamu, iaitu bahagian seorang anak lelaki menyamai bahagian dua orang anak perempuan. Tetapi jika anak-anak perempuan itu lebih dari dua, maka bahagian mereka ialah dua pertiga dari harta yang ditinggalkan oleh si mati. Dan jika anak perempuan itu seorang sahaja, maka bahagiannya ialah satu perdua (separuh) harta itu. Dan bagi ibu bapa (si mati), tiap-tiap seorang dari keduanya: satu perenam dari harta yang ditinggalkan oleh si mati, jika si mati itu mempunyai anak. Tetapi jika si mati tidak mempunyai anak, sedang yang mewarisinya hanyalah kedua ibu bapanya, maka bahagian ibunya ialah satu pertiga. Kalau pula si mati itu mempunyai beberapa orang saudara (adik-beradik), maka bahagian ibunya ialah satu perenam. (Pembahagian itu) ialah sesudah diselesaikan wasiat yang telah diwasiatkan oleh si mati, dan sesudah dibayarkan hutangnya. Ibu- bapa kamu dan anak-anak kamu, kamu tidak mengetahui siapa di antaranya yang lebih dekat serta banyak manfaatnya kepada kamu (Pembahagian harta pusaka dan penentuan bahagian masing-masing seperti yang diterangkan itu ialah) ketetapan dari Allah; sesungguhnya Allah adalah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.

Sisters in Islam juga telah menggesa agar satu undang-undang dapat digubal semula agar kaum wanita mendapat keadilan dan pembahagian kaum lelaki yang pembahagian harta lebih besar perlu menjalankan tanggungjawab mereka terhadap waris wanita secara adil (Hafizah Mohd Bokri & Mohd Zamro Muda, 2017). Sekiranya kaum lelaki mengabaikan tanggungjawab mereka terhadap keluarga dan agama, pembahagian harta pusaka boleh dibahagikan secara adil dengan menggunakan prinsip iktisan (Zainah Anwar, 2012).

Pembahagian harta pusaka yang ditetapkan telah mengikut al-Quran, Sunnah dan Ijma' Ulama. Pembahagian yang lebih besar kepada lelaki dalam bab pewarisan kerana lelaki diwajibkan menanggung nafkah wanita. Seorang suami dituntut untuk memberi nafkah kepada isterinya, begitu juga seorang lelaki dituntut untuk menafkahi seorang perempuan, maka separuh bahagian lelaki (bagi perempuan) adalah cukup baginya walaupun dia belum berkahwin, sehinggalah perempuan tersebut berkahwin dan bahagiannya itu akan tetap bersamanya kerana suaminya yang perlu menafkahnya (al-Sya'rawi, t.th).

KESIMPULAN

Daripada paparan di atas berkaitan pandangan feminis Muslim terhadap isu kesetaraan gender, boleh disimpulkan bahawa mereka menganggap wanita muslim memerlukan perubahan agar kebebasan hak-hak wanita dicapai. Golongan feminis telah menyebarkan dakwah dan bertindak untuk menafsir sendiri berdasarkan kefahaman mereka. Isu yang diketengahkan kepada masyarakat Islam seperti isu poligami, hak-hak kemanusiaan (LGBT) dan harta pusaka membawa percanggahan sehingga mengelirukan masyarakat. Gerakan ini telah menyampaikan ideologi feminisme mengikut acuan mereka. Hal ini demikian kerana mereka telah mencipta pemikiran sendiri agar selaras dengan kemajuan sesebuah negara dan dikenali sebagai Feminis Liberal. Fahaman feminis dalam menegakkan isu kesetaraan gender dilihat berasaskan budaya dan realiti sosial dalam masyarakat. Semua pihak harus berganding bahu bagi membanteras penularan ideologi gerakan feminis yang bercanggah dengan agama Islam.

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim.

- Abdul Haq Syawqi. 2009. *Kawin sejenis dalam Pandangan Musdah Mulia*. Yogyakarta: UIN.
- Amina Wadud. 1992. *Qur'an and Woman*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti, hh. 87-88
- Amina Wadud. 2006. *Inside the Gender Jihad: Womens Reform in Islam*. t.tp.: One World Oxford
- Baterah Alias, Mohd Asmadi Yakob, Rafeah Saidon & Mukhammad Syamsul Huda Lahuri. 202. Analisis Isu Gender berdasarkan al-Quran bagi menangkis tuntutan persamaan hak antara lelaki dan wanita. *Journal of Contemporari Islamic Studies* 6(2): 1-11.
- Harlina Halizah Siraj. 2015. Kesaksamaan dan Persamaan Gender: Pro dan Kontra dari Perspektif Sosial dan Agama. *Kertas kerja yang disampaikan dalam Wancana Pemikiran Liberalisme dan Pluralisme Agama*. Shah Alam: Jabatan Agama Islam Selangor.
- Inyatul 'Aini. 2013. Kisah homoseksual kaum Nabi Luth dalam al-Quran menurut penafsiran Musdah Mulia dan Husein Muhammad. Tesis yang tidak diterbitkan. Yogyakarta: UIN Sunan Kalijaga
- Kamus Dewan Edisi Keempat. 2017. Dewan Bahasa dan Pustaka. Cyberjaya: Xentral Methods Sdn. Bhd.
- Mies dan Jayawardena. 1983. *Feminisme In Europe: Liberal and Sicialist Strategies*. The Hague: Institute of Social Studies.
- Muhamad Faiz Ismail, A. H. T., & Azmi, J. K. 2012. Pengaruh Elemen Islam Liberal Terhadap Aqidah Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan: Satu Tinjauan Awal. *International Conference On Research In Islamic And Arabic Language Education 2012 (Icriale 2012)*, hal. 290–299.
- Musdah Mulia. 2004. *Islam Menggugat Poligami*. Jakarta: Gramedia Pustaka Utama
- Norsaleha Mohd Salleh, Zakiah Abd. Rahman & Suriani Sudi. 2015. *Wanita dan Cabaran Globalisasi*. Putrajaya: Konanis Consaltasy.

- Norsaleha Mohd. Salleh. 2015. Penolakan Terhadap Agenda Feminisme dan Liberalisme di Malaysia. Kertas kerja yang disampaikan dalam *Seminar Antarabangsa Akidah, Dakwah dan Syariah 2015*. Kuala Lumpur: Royale Hotel.
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. 6 Jun 2017. Bayan Linas Siri Ke-91: Lelaki Berimamkan wanita di dalam Solat.
- Rafidah Hanim Mokhtar. 2015. Sejarah gerakan feminisma. Dlm Norbahiah Misran, Norsaleha Mohd Salleh, Zakiah Abd. Rahman dan Suriani Sudi. 2015. *Wanita dan cabaran globalisasi*. Putrajaya: Konwanis Consultansy
- Rashida Khanam & Abida Samiuddin (ed). 2002. *Muslim Feminisme and Feminist Movement*. Delhi: Global Vision Pub. House.
- Ratna Saptari dan Brigitte M. Holzner. 1997. *Perempuan, Kerja dan Perubahan Sosial: Sebuah Pengantar Studi Perempuan*. Indonesia: Pustaka Utama Grafik.
- Sisters in Islam. 1996. Memorandum mengenai Pembaharuan Undang-undang Keluarga Islam mengenai Poligami. <https://sistersinislam.org/memorandum-mengenai-pembaharuan-undang-undang-keluarga-islam-mengenai-poligami/>. Dilayari pada 18 Oktober 2021
- Sisters in Islam. 2005. Rang Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) (Pindaan).<https://sistersinislam.org/rang-undang-undang-keluarga-islam-wilayahwilayah-persekutuan-pindaan-2005/>. Dilayari pada 20 Oktober 2021.
- Siti Muslikhati. 2004. *Feminisme dan Pemberdayaan Perempuan dalam Timbangan Islam*. Jakarta : Gema Insani.
- Suhadan Anwar & Salmah Jan Noor Muhammad. 2016. Perhubungan Gender dalam Masyarakat Tradisional Berdasarkan Hikayat Patani. *Journal of Business and Social Development* 4(2): 25-47.
- Sya'rawi, Muhammad Mutawalli & Arifin, Zainal. 2015. *Tafsir Sha'rawi*. Medan: Duta Azhar
- Yunahar Ilyas. 1997. *Feminisme dalam Kajian Tafsir al-Quran: Klasik dan Kontemporer*. Yogyakarta : Pustaka Pelajar.